

Pameran pascasiswazah UMS di Sandakan, Tawau

DE 03.02.2012 X

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Pengajian Pascasiswazah akan mengadakan pameran pascasiswazah di Pantai Timur Sabah pada minggu ini.

Pameran tersebut terlebih dahulu akan diadakan di Sabah Hotel, Sandakan pada hari ini (Jumaat) sebelum bertandang ke Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Tawau pada Ahad.

Pameran yang diadakan selama dua hari di Bahagian Pantai Timur itu akan bermula dari 9 pagi hingga 5 petang. Ia, antara lain, bertujuan sebagai pusat sehenti penerangan untuk memberi maklumat kepada orang ramai mengenai syarat dan panduan kemasukan ke peringkat pengajian Ijazah Lanjutan yang ditawarkan di universiti berkenaan.

Di samping itu, ia juga bagi memberi ruang kepada orang untuk mendapatkan penerangan berkaitan peluang serta kemudahan untuk melanjutkan pengajian di peringkat Pascasiswazah UMS.

Masyarakat di sekitar Sandakan dan Tawau dipelawa menghadiri pameran tersebut.